

PENGUASAAN KONSEP WAKTU KATA KERJA BAHASA ARAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN EFIGASI KENDIRI KEMAHIRAN MENULIS PELAJAR STAM

ARABIC VERB TENSES PROFICIENCY AND ITS RELATIONSHIP WITH WRITING SELF-EFFICACY IN STAM STUDENT

Nur Atiqah Husna Abdul Mutalib¹, Harun Baharudin^{2*} & Roslizawati Saad³

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^{1, 2, 3}

harunbaharudin@ukm.edu.my *

ABSTRACT

The issue of students' weaknesses in mastering the concept of Arabic verb tenses is often linked to a lack of understanding of language structure and challenges in applying these concepts in writing. This study investigates the mastery levels of Arabic tenses—Past, Present, and Future—and their relationship to writing skills among Form 6 STAM students in Malaysia. The study population, based on the average number of STAM candidates over the last three years, was 4,593 students. The sample size was determined using Yamane's (1967) formula, resulting in 368 participants selected through stratified random sampling. A questionnaire instrument, developed based on Bandura's self-efficacy theory and adapted for Arabic writing skills, underwent validation by three experts and a pilot test. Descriptive analysis revealed the highest mastery in Past Tense (mean=7.2), while Future (mean=4.63) and Present Tenses (mean=3.0) were at moderate levels. Writing skills showed strengths in emotional management (mean=3.84) but significant weaknesses in basic writing (mean=3.41), reflective-relational aspects (mean=3.64) and creativity (mean=3.57). Correlation analysis indicated a positive but weak relationship between tenses mastery and writing skills ($r=0.22$, $p<0.001$). The study concludes that a holistic teaching approach integrating tenses, creativity, and emotional expression in writing is essential for improving overall Arabic language proficiency.

Keywords: Arabic tenses, writing skills, proficiency level, instrument development, second language teaching.

ABSTRAK

Isu kelemahan pelajar dalam menguasai konsep waktu kata kerja dalam bahasa Arab sering dikaitkan dengan keterbatasan pemahaman terhadap struktur bahasa serta kesukaran dalam menerapkan konsep tersebut secara efektif dalam penulisan. Kajian ini mengkaji tahap penguasaan konsep waktu Bahasa Arab—Masa Lampau, Masa Kini, dan Masa Hadapan—and hubungannya dengan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM di Malaysia. Pemilihan populasi kajian berdasarkan purata jumlah calon STAM bagi tiga tahun terkini iaitu seramai 4,593 orang. Saiz sampel pula ditentukan menggunakan formula Yamane (1967) iaitu seramai 368 orang pelajar. Sampel dipilih menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan teori *self-efficacy* Bandura dan diadaptasi sesuai dengan kemahiran menulis Bahasa Arab. Instrumen ini disemak oleh 3 orang pakar bidang untuk memastikan kesahan kandungan dan digunakan bagi mengumpul data kuantitatif serta ujian rintis. Hasil kajian analisis deskriptif menunjukkan konsep waktu Masa Lampau mencatat penguasaan tertinggi (min=7.2), manakala Masa Hadapan (min=4.63) dan Masa Kini (min=3.0) berada pada tahap sederhana. Dalam kemahiran menulis, pelajar menunjukkan kekuatan pada pengurusan emosi

(min=3.84) tetapi kelemahan ketara dalam penulisan asas (min=3.41), kreativiti (min=3.57), reflektif-rasional (min=3.64). Analisis korelasi pula mendapati hubungan antara penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis adalah positif tetapi lemah ($r=0.22$, $p<0.001$). Kajian ini menyimpulkan keperluan untuk pendekatan pengajaran holistik yang memberi penekanan kepada integrasi konsep waktu, kreativiti, dan emosi dalam penulisan untuk meningkatkan penguasaan bahasa secara menyeluruh.

Kata kunci: *Konsep waktu Bahasa Arab Kemahiran Menulis; Tahap Penguasaan; Pembangunan Instrumen; Pengajaran Bahasa Kedua.*

PENGENALAN

Bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan sejarah, budaya, dan pengetahuan. Bermula sebagai bahasa agama dan ilmu, bahasa Arab telah berkembang menjadi komponen penting dalam kurikulum pendidikan Islam (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali, & Ismail, 2019). Penguasaan bahasa Arab bukan sahaja penting untuk memahami teks-teks agama seperti Al-Quran dan Hadith, tetapi juga memainkan peranan dalam pembangunan intelektual dan budaya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Sejarah bahasa Arab di Malaysia boleh dikesan seawal abad ke-13 dengan kedatangan pedagang dan ulama Arab yang membawa bersama mereka ajaran Islam. Bahasa Arab pada waktu itu digunakan secara meluas dalam penulisan manuskrip dan surat-menyurat rasmi, khususnya dalam konteks keagamaan. Peninggalan manuskrip Jawi yang ditulis dalam bahasa Arab dan Jawi adalah bukti penting mengenai kedudukan bahasa Arab dalam sejarah keilmuan di Malaysia (A Jalal, et al., 2018).

Perkembangan Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia membawa satu program pendidikan yang penting ialah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai usaha untuk meningkatkan standard pendidikan agama Islam di peringkat pra-universiti. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, khususnya di peringkat Tingkatan 6 STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia), memberi penekanan khusus kepada penguasaan bahasa Arab, di samping subjek-subjek agama Islam yang lain seperti Hadis. Program ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bahasa Arab, tetapi juga mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam (KPM, 2023).

Pertamanya, kita perlu mengakui bahawa Bahasa Arab bukanlah bahasa asing bagi pelajar STAM. Sebaliknya, ia merupakan bahasa yang sering diperdengarkan dalam persekitaran agama dan pembelajaran mereka. Ia juga menjadi satu medium utama bagi menguasai keseluruhan silibus kurikulum Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar yang telah termeterai satu perjanjian antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Al-Azhar Al-Sharif, Kaherah, Mesir (Abdul Razak, Samah, Jumingen, & Abu Bakar, 2016; Seman, Yusoff & Ismail, 2016; Yusoff & Seman, 2022). Walau bagaimanapun, meskipun mereka mungkin mempunyai pendedahan awal terhadap bahasa Arab, pemahaman mereka tentang konsep waktu mungkin masih belum matang (Sulaiman, Mustapha, Toklubok, & Wan Sulong, 2018; Yasin & Nofal, 2023; Jali & Baharudin, 2023). Konsep waktu dalam Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pembentukan ayat dan penyampaian maklumat dengan tepat.

Seterusnya, penting untuk kita sedar bahawa kemahiran menulis adalah aspek penting dalam pembelajaran bahasa mana pun. Kemahiran ini tidak hanya melibatkan kebolehan untuk menghasilkan ayat-ayat yang betul secara gramatikal, tetapi juga untuk menyusun idea dan buah

fikiran dengan teratur dan jelas (Sulaiman, Mustapha, Toklubok, & Wan Sulong, 2018; Yahaya, Nasir, Wan Omar, Ab. Halim, & Sweedan, 2014). Dalam konteks Bahasa Arab, kemahiran menulis yang baik tidak hanya melibatkan penguasaan tatabahasa, tetapi juga penggunaan konsep waktu yang tepat bagi menyampaikan maklumat dengan efektif. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menyelidiki dan menganalisis pengaruh pendedahan konsep asas waktu Bahasa Arab terhadap kemahiran menulis pelajar Tingkatan 6 STAM. Ianya juga bertujuan untuk menganalisis tahap pemahaman pelajar terhadap konsep asas waktu. Seterusnya, menilai kesan pendedahan konsep asas waktu terhadap kemahiran menulis pelajar tingkatan 6 STAM dalam bahasa Arab. Dengan panduan ini, guru dapat menyampaikan pengetahuan mengenai waktu dengan lebih mudah difahami oleh pelajar dan membantu mereka mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam penulisan.

SOROTAN LITERATUR

Pendedahan kepada konsep asas waktu dalam Bahasa Arab merupakan langkah awal yang penting bagi pelajar Tingkatan 6 STAM. Konsep asas ini memainkan peranan utama dalam pembentukan pemahaman struktur bahasa dan membantu pelajar membina asas kukuh untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka. Konsep waktu dalam Bahasa Arab merujuk kepada sistem morfologi dan sintaksis yang digunakan untuk menyatakan masa (lampau, kini, dan akan datang) serta keadaan dalam sesuatu ayat (Hasan, 1994; Munjiyat, 2019). Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab, pendedahan sistematik terhadap konsep waktu membolehkan pelajar memahami bukan sahaja struktur ayat tetapi juga cara menyampaikan makna dengan lebih tepat dan berkesan.

Berbeza dengan Bahasa Melayu dan Inggeris, sistem waktu dalam Bahasa Arab mempunyai kerumitan tersendiri, melibatkan pelbagai bentuk kata kerja dan variasi penggunaannya berdasarkan masa dan jenis tindakan (Jali & Baharudin, 2023). Dalam bahasa Arab, konsep waktu kata kerja dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu masa lampau (الماضي), masa kini (المضارع), dan masa akan datang (المستقبل). Setiap kategori ini mempunyai struktur dan ciri khusus yang memerlukan pemahaman mendalam untuk digunakan dengan tepat dalam komunikasi dan penulisan.

Masa lampau (الماضي) merujuk kepada tindakan yang telah selesai dilakukan. Secara umum, ia dianggap sebagai bentuk yang paling asas dalam kata kerja bahasa Arab, tetapi dapat diperincikan kepada beberapa variasi bergantung pada konteks penggunaan. Pertama, masa lampau mudah (الماضي البسيط) digunakan untuk menyatakan perbuatan yang telah berlaku tanpa menunjukkan kesinambungan atau tempoh masa tertentu. Contohnya, kata kerja كَتَبَ (dia telah menulis) hanya menyatakan tindakan yang selesai. Namun, apabila kita ingin menggambarkan tindakan berterusan pada masa lampau, struktur masa lampau berterusan (الماضي المستمر) digunakan. Ini biasanya melibatkan tambahan kata bantu seperti كَانَ yang digabungkan dengan kata kerja dalam bentuk contohnya كَانَ يَكْتُبُ (dia sedang menulis pada masa lampau). Selain itu, terdapat juga masa lampau kompleks (الماضي المركب), di mana dua tindakan dikaitkan dalam urutan waktu, dengan satu tindakan selesai sebelum tindakan yang lain. Situasi ini sering diperkenalkan dengan kata hubung seperti أَمَّا كَتَبَ الرِّسْالَةَ، ذَهَبَ أَنْ atau sebagai contoh, بَعْدَ أَنْ yang bermaksud “Setelah dia menulis surat itu, dia pergi.”

Berbeza dengan masa lampau, masa kini (المضارع) digunakan untuk menyatakan perbuatan yang sedang berlaku atau sesuatu yang dilakukan secara berterusan sebagai kebiasaan. Ciri utama kata kerja dalam masa kini adalah kehadiran awalan tertentu pada permulaan kata. Misalnya, awalan يُdigunakan untuk subjek lelaki ketiga seperti dalam يَكْتُب (dia lelaki sedang menulis), manakala awalan تُ digunakan untuk subjek perempuan ketiga atau subjek kedua (awak), contohnya تَكْتُب (dia perempuan atau awak sedang menulis). Untuk subjek jamak pertama (kami), awalan نُ digunakan, seperti dalam نَكْتُب (kami sedang menulis). Kehadiran awalan ini memainkan peranan penting dalam menentukan subjek dan konteks perbuatan yang dinyatakan.

Sementara itu, masa akan datang (المستقبل) dalam bahasa Arab dinyatakan melalui penggunaan kata kerja dalam bentuk المضارع yang didahului oleh awalan tertentu. Untuk menunjukkan tindakan yang akan berlaku dalam waktu dekat, partikel سـ ditambahkan pada permulaan kata kerja, seperti dalam سـيَكْتُب (dia akan menulis segera). Namun, jika tindakan itu dijangka berlaku pada masa hadapan yang lebih jauh atau tidak segera, partikel سـوـفـ digunakan, seperti dalam سـوـفـ يـكـتـب (dia akan menulis kemudian). Penggunaan partikel ini memberi nuansa yang lebih tepat tentang masa dan jarak peristiwa yang dinyatakan.

Sistem waktu dalam bahasa Arab adalah dinamik dan terperinci, di mana bentuk kata kerja, awalan, serta partikel tambahan berfungsi bersama untuk menyampaikan makna yang tepat dalam konteks tertentu. Pemahaman yang mendalam tentang variasi ini bukan sahaja membantu pelajar menguasai struktur bahasa, tetapi juga memudahkan mereka menerapkan konsep ini dengan lebih berkesan dalam penulisan dan komunikasi. Perbandingan antara sistem waktu dalam Bahasa Arab dan bahasa lain menunjukkan perbezaan signifikan dari segi struktur dan morfologi, yang memerlukan analisis mendalam bagi mengelakkan kekeliruan dalam penggunaan (Listyani & Al Kadi, 2022).

Penguasaan konsep waktu (*tenses*) dalam Bahasa Arab berkait rapat dengan beberapa teori pembelajaran bahasa kedua (*Second Language Acquisition, SLA*) yang mendasari boleh ubah dalam kajian ini. Menurut Krashen, pemerolehan bahasa berlaku melalui input yang boleh difahami (*comprehensible input*), iaitu bahan pembelajaran yang berada walaupun sedikit di luar tahap kefahaman semasa pelajar ($i+1$). Dalam konteks ini, penguasaan kepada konsep waktu Bahasa Arab seperti masa lampau, kini, dan hadapan melalui teks yang sesuai dapat memperkaya kemahiran menulis pelajar (Febriani, 2020). Contohnya, pelajar yang diajar penggunaan bentuk ماضـي مركـب dalam ayat kompleks boleh menguasai struktur tersebut dengan lebih baik melalui latihan berperingkat.

Pendedahan kepada konsep waktu perlu dilaksanakan secara sistematik dan terstruktur, dengan bahan pengajaran yang pelbagai dan relevan. Guru Bahasa Arab perlu menyediakan teks asli, latihan pemahaman, dan aktiviti penulisan yang menekankan aplikasi konsep waktu dalam konteks yang realistik dan menarik minat pelajar (Wahab, 2021; Razali, 2020). Kajian oleh Mokhtar et al. (2018) mendapati bahawa pelajar yang menerima pengajaran tatabahasa yang terstruktur menunjukkan peningkatan signifikan dalam penulisan mereka. Kajian lain oleh Swain

dan Lapkin (1995) pula menyatakan bahawa latihan menulis yang kerap dapat memperkuuhkan pemahaman pelajar terhadap tatabahasa.

Penguasaan konsep waktu juga berkait rapat dengan penguasaan tatabahasa secara keseluruhan. Pemahaman tentang struktur ayat, perubahan kata kerja, dan penanda keterangan masa membolehkan pelajar menghasilkan penulisan yang lebih efektif dan jelas. Sebagai contoh, kajian Pearson (2022) menunjukkan bahawa pelajar yang terdedah kepada latihan tatabahasa yang sistematik cenderung menghasilkan penulisan yang lebih teratur dan tepat. Oleh itu, guru perlu memastikan integrasi pengajaran konsep waktu dan tatabahasa secara menyeluruh dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Secara keseluruhannya, penguasaan konsep waktu dan tatabahasa adalah asas penting dalam meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Melalui pendekatan pengajaran yang sistematik, pendedahan berterusan, dan latihan yang relevan, pelajar dapat menguasai konsep waktu dengan lebih baik, seterusnya menghasilkan penulisan yang berkualiti. Peningkatan dalam penguasaan ini bukan sahaja membantu pelajar memahami Bahasa Arab dengan lebih mendalam tetapi juga membina keyakinan mereka dalam mengaplikasikan bahasa ini secara kreatif dan efektif.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk menilai hubungan antara tahap penguasaan konsep waktu Bahasa Arab dan kemahiran menulis Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM di seluruh Malaysia. Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan 6 STAM yang telah mempelajari Bahasa Arab sekurang-kurangnya 6 tahun secara formal, dengan formula Yamane (1967) telah menetapkan saiz sampel seramai 368 pelajar yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak berstrata bagi memastikan representasi pelajar dari pelbagai jenis sekolah. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai populasi ini, data Laporan Analisis Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mengenai jumlah calon STAM bagi tiga tahun kebelakangan telah dianalisis. Berdasarkan pengiraan ini, purata jumlah calon STAM bagi tiga tahun tersebut adalah seramai 4,593 orang. Sampel ini dibahagikan seperti berikut: 242 pelajar dari SABK, 82 pelajar dari SMAN, 18 pelajar dari Sekolah Agama Swasta, dan 26 pelajar dari Sekolah Agama Rakyat. Pembahagian ini diambil bagi memastikan sampel adalah representatif, mencerminkan kepelbagaiannya jenis sekolah dan membantu dalam analisis hasil kajian yang lebih seimbang.

Instrumen kajian ialah soal selidik dua bahagian: (1) ujian penguasaan konsep waktu yang merangkumi tiga jenis konsep waktu utama (Masa Lampau, Masa Kini, Masa Hadapan), dan (2) rubrik penilaian kemahiran menulis berdasarkan empat dimensi utama, iaitu kemahiran asas penulisan, reflektif-relasional, kreativiti, dan pengurusan emosi. Instrumen ini dibangunkan berasaskan teori *self-efficacy* yang diadaptasi daripada artikel "*Development and validation of the Situated Academic Writing Self-Efficacy Scale (SAWSES)*" (Mitchell, et al., 2021) dan telah diubah suai serta disemak oleh tiga pakar pendidikan Bahasa Arab dengan pengalaman lebih 10 tahun. Kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha tinggi (>0.8). Jadual 1 menunjukkan kandungan soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama untuk mengumpulkan data yang relevan dan komprehensif.

Jadual 1: Kandungan soal selidik Kajian

Bahagian	Konstruk	Jenis Item	Item	Bilangan Item	Sumber
Bahagian A	Demografi	Soal Selidik	A1-A5	5	
Bahagian B	Tahap Pemahaman Konsep waktu Bahasa Arab	Ujian			Pengkaji gubal item beserta pengesahan 3 pakar
	- Masa Lampau		B1-B10	10	
	- Masa Kini		B11 -B15	5	
	- Akan Datang		B16-B120	5	
Bahagian C	Tahap Kemahiran menulis pelajar (Penilaian Kendiri Pelajar)	Soal Selidik Skala Likert	C1-C10	10	Adaptasi daripada Self-Efficacy Scale (SAWSES) (Mitchell, et al., 2021)

Bahagian A: Latar Belakang Demografi

Bahagian pertama soal selidik mengumpul maklumat demografi pelajar. Maklumat ini penting untuk memahami latar belakang responden dan untuk analisis lanjut mengenai bagaimana faktor-faktor demografi mungkin mempengaruhi pemahaman dan kemahiran menulis mereka. Maklumat yang dikumpulkan dalam bahagian ini termasuk:

- Jantina
- Jenis Sekolah (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Swasta dan Calon Persendirian)
- Lokasi Geografi Sekolah (bandar, luar bandar)
- Pencapaian SMA (Sijil Menengah Agama)

Bahagian B: Tahap Pemahaman Konsep waktu Bahasa Arab

Bahagian ini mengandungi ujian objektif aneka pilihan merupakan instrumen kedua yang digunakan dalam kajian ini. Ujian ini bertujuan untuk mengukur penguasaan responden terhadap konsep asas waktu dalam bahasa Arab melalui soalan-soalan yang spesifik dan terstruktur.

Pembangunan Ujian Objektif

Ujian objektif aneka pilihan ini dibangunkan berdasarkan panduan kurikulum bahasa Arab dan kajian literatur tentang penguasaan konsep waktu (Jali & Baharudin, 2023; Hasan, 1994; Munjiyat, 2019). Soalan-soalan dalam ujian ini diuji melalui kajian rintis untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Soalan-soalan ini juga direka bentuk untuk memastikan kepelbagaiannya aras kesukaran soalan bagi mengukur penguasaan asas terhadap konsep waktu bahasa Arab.

Pengiraan Skor

Pengiraan skor bagi ujian ini bagi bahagian B adalah berdasarkan pemberian satu markah untuk setiap soalan yang dijawab dengan betul. Oleh itu, jumlah skor maksimum yang boleh dicapai oleh responden adalah bersamaan dengan jumlah keseluruhan soalan yang terdapat dalam ujian iaitu 20 markah. Skala skor ini memudahkan penilaian tahap penguasaan konsep waktu oleh pelajar

secara kuantitatif dan objektif. Pendekatan ini memastikan semua responden dinilai secara adil, berdasarkan tahap kefahaman mereka terhadap konsep waktu bahasa Arab. Skor ini juga membantu menentukan keberkesan strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah diterapkan.

Jadual 2: Skala Skor Ujian Bahagian B

Skala Skor Ujian	Tahap
20 - 15	Sangat Tinggi
14 - 10	Tinggi
9 - 5	Sederhana
4 - 0	Rendah

Bahagian C: Tahap Kemahiran menulis pelajar (Penilaian Kendiri Pelajar)

Bahagian C soal selidik ini mengandungi 10 item yang telah diadaptasi dan diubah suai dengan bahasa Arab daripada instrumen (Mitchell, et al., 2021). Setiap item direka untuk menilai aspek-aspek penting dalam kemahiran menulis bahasa Arab, termasuk kemahiran asas penulisan, kemahiran reflektif-relasional, dan identiti kreatif. Pelajar akan menilai tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan menggunakan skala Likert 5 mata. Penilaian kendiri ini adalah penting kerana ia memberi peluang kepada pelajar untuk menilai diri mereka sendiri berdasarkan kriteria yang ditetapkan, yang seterusnya membantu dalam memahami sejauh mana pelajar merasa yakin dan kompeten dalam kemahiran menulis mereka. Untuk penilaian kendiri, bentuk maklum balas yang digunakan adalah skala Likert. Skala Likert membolehkan pelajar memberikan penilaian mereka berdasarkan tahap persetujuan atau ketidaksetujuan terhadap pernyataan yang diberikan. Skala ini biasanya terdiri daripada lima atau tujuh titik, tetapi dalam kajian ini, skala lima titik digunakan untuk memudahkan pemahaman dan analisis data. Skala Likert memberikan peluang untuk pengukuran yang lebih tepat mengenai pendapat pelajar, dan skor min yang diperoleh dapat digunakan untuk menganalisis kecenderungan umum responden terhadap isu yang dikaji.

Skor min (atau purata) digunakan untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang tahap persetujuan atau ketidaksetujuan peserta terhadap pernyataan dalam soal selidik atau kajian. Menurut Cohen (1988), skor min memberikan penilaian yang lebih mendalam tentang data, menjadikannya mudah untuk memahami persepsi umum terhadap pernyataan yang diberikan. Ellis (1998) juga menyatakan bahawa pengiraan skor min penting dalam kajian menggunakan skala Likert kerana ia menyimpulkan pola pendapat yang lebih luas. Penggunaan skor min dalam kajian ini membolehkan penyelidik mengenal pasti kecenderungan umum dalam sikap pelajar terhadap aspek-aspek tertentu dalam kemahiran menulis mereka. Perincian bagi skala Likert adalah berdasarkan Jadual 3 dibawah.

Jadual 3: Skala Likert di Bahagian C

Skala	Mata
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Neutral	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

ANALISIS DATA

Data yang dikumpul melalui skala Likert akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan tahap kemahiran menulis pelajar. Ini termasuk pengiraan min, median, mod, dan sisihan piawai untuk setiap item. Analisis ini akan memberikan gambaran yang jelas mengenai sejauh mana pelajar merasa yakin dan kompeten dalam penggunaan konsep waktu dalam Bahasa Arab, serta mengenal pasti aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan.


Prosedur pengumpulan data dijalankan dengan pengedaran soal selidik secara dalam talian menggunakan Google Form. Data dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 23 melalui analisis deskriptif (purata, sisihan piawai) untuk tahap penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis, serta analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson untuk menguji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah utama.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini merangkumi pelajar tingkatan 6 STAM daripada pelbagai jenis sekolah agama di seluruh Malaysia, yang terdiri daripada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Swasta, dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Dalam kajian ini, seramai 368 pelajar dipilih sebagai sampel berdasarkan peratusan kehadiran setiap jenis sekolah dalam populasi pelajar agama Malaysia. Sampel ini dibahagikan seperti berikut: 242 pelajar dari SABK, 82 pelajar dari SMAN, 18 pelajar dari Sekolah Agama Swasta, dan 26 pelajar dari Sekolah Agama Rakyat. Pembahagian ini diambil bagi memastikan sampel adalah representatif, mencerminkan kepelbagaiannya jenis sekolah dan membantu dalam analisis hasil kajian yang lebih seimbang.

Dari segi maklumat demografi, kajian ini meliputi empat kategori utama, iaitu jantina, jenis sekolah, lokasi geografi sekolah, dan pencapaian akademik pelajar dalam Sijil Menengah Agama (SMA) ketika berada di tingkatan 4. Dari aspek jantina, responden terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan, memberikan gambaran yang menyeluruh tentang tahap penguasaan konsep waktu Bahasa Arab di kalangan kedua-dua jantina. Dengan mengkaji perbezaan penguasaan berdasarkan jantina, kajian ini dapat mengenal pasti sebarang variasi yang mungkin wujud dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Selain itu, jenis sekolah adalah satu lagi ciri demografi penting dalam kajian ini. Perbezaan jenis sekolah – Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Menengah Swasta (SMS) – memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang latar belakang pendidikan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Contohnya, SABK yang menerima bantuan kerajaan mungkin mempunyai kemudahan dan sumber pembelajaran yang lebih baik berbanding sekolah agama rakyat, dan ini berpotensi mempengaruhi tahap pendedahan pelajar kepada konsep waktu Bahasa Arab serta kemahiran menulis mereka.



Lokasi geografi sekolah, iaitu sama ada sekolah terletak di kawasan bandar atau luar bandar, juga diambil kira dalam profil responden. Kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan tahap penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis antara pelajar yang bersekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Sekolah di kawasan bandar biasanya mempunyai akses yang lebih baik kepada kemudahan pendidikan seperti perpustakaan, tenaga pengajar yang berkelayakan, dan peralatan teknologi, manakala sekolah di luar bandar mungkin terhad dari segi sumber-sumber ini. Oleh itu, maklumat mengenai lokasi geografi boleh membantu mengidentifikasi jika faktor akses dan kemudahan memainkan peranan dalam pencapaian pelajar dalam aspek kemahiran menulis Bahasa Arab.

Akhir sekali, pencapaian akademik dalam Sijil Menengah Agama (SMA) ketika berada di tingkatan 4 turut disertakan dalam profil demografi responden. Pencapaian ini adalah indikator penting bagi tahap penguasaan asas pelajar dalam subjek agama dan bahasa Arab sebelum mereka memasuki tingkatan 6 STAM. Pelajar dengan pencapaian cemerlang dalam SMA berkemungkinan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang tatabahasa dan konsep waktu Bahasa Arab, yang boleh memberikan kelebihan dalam aspek penulisan mereka. Dengan demikian, analisis pencapaian SMA ini akan membantu menilai kesan prestasi awal pelajar terhadap penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis Bahasa Arab di tingkatan 6 STAM.

Jadual 4: Profil Demografi

Latar Belakang	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	127	34.5
	Perempuan	241	65.5
Lokasi sekolah	Bandar	227	61.7
	Luar Bandar	142	38.3
Pencapaian SMA	Mumtaz	146	39.7
	Jayyid Jiddan	113	30.7
	Jayyid	61	16.6
	Maqbul	2	0.5
	Tiada SMA	46	11.4

Kesimpulannya, profil demografi responden kajian ini menyediakan latar belakang yang komprehensif bagi memahami ciri-ciri pelajar yang menjadi subjek kajian. Ini sekaligus memberikan asas yang kukuh bagi menerangkan dan membandingkan daptatan kajian yang diperoleh, serta menganalisis faktor-faktor demografi yang berkemungkinan mempengaruhi kemahiran menulis pelajar dalam penggunaan konsep waktu Bahasa Arab.

Analisis Deskriptif

Melalui Ujian Objektif Bahagian B, analisis deskriptif telah dijalankan bagi menjelaskan tahap pemahaman pelajar tentang konsep asas waktu dalam Bahasa Arab serta tahap kemahiran menulis Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM. Data mengenai kedua-dua aspek ini telah dikumpulkan dan dianalisis untuk memberi gambaran yang lebih mendalam mengenai keupayaan pelajar dalam penguasaan konsep waktu serta kemahiran penulisan mereka. Terdapat 20 item yang diedarkan kepada pelajar dan setiap satu item membawa 1 markah.

Tahap Penguasaan Konsep Asas Waktu Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 5: Statistik deskriptif bagi penguasaan tiga jenis konsep waktu dalam Bahasa Arab

Kategori Konsep waktu	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
Masa Lampau	7.20	1.98	Tinggi
Masa Kini	3.02	1.37	Sederhana
Masa Hadapan	4.63	0.92	Sederhana
Skor Keseluruhan	14.72	3.48	Tinggi

n=368

Jadual 5 menunjukkan statistik deskriptif bagi penguasaan tiga jenis konsep waktu dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM, iaitu Masa Lampau, Masa Kini, dan Masa Hadapan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, penguasaan terhadap setiap kategori konsep waktu boleh dijelaskan seperti berikut:

a) *Masa Lampau*

Penguasaan pelajar terhadap Masa Lampau menunjukkan nilai skor min (min=7.20, SP=1.98) yang agak tinggi berbanding Masa Kini dan Masa Hadapan. Skor minimum yang dicatatkan ialah 2, manakala skor maksimum ialah 10. Variasi skor yang luas ini menunjukkan adanya perbezaan yang ketara dalam kalangan pelajar dari segi penguasaan terhadap Masa Lampau. Tahap penguasaan yang lebih tinggi dalam kategori ini mungkin disebabkan oleh pelajar yang lebih biasa dengan struktur ayat dalam konsep waktu ini atau kerana penggunaan konsep waktu Masa Lampau lebih kerap diterapkan dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Arab seperti membaca teks sejarah atau naratif.

b) *Masa Kini*

Purata skor untuk penguasaan pelajar terhadap Masa Kini adalah sebanyak (min=3.02, SP=1.37) yang jauh lebih rendah berbanding Masa Lampau, menunjukkan tahap penguasaan yang lebih lemah dalam kalangan pelajar terhadap penggunaan Masa Kini. Skor minimum yang dicatatkan ialah 0, menunjukkan adanya pelajar yang tidak menguasai konsep waktu ini sama sekali, manakala skor maksimum ialah 5. Data ini mencadangkan bahawa kelemahan dalam penguasaan konsep waktu Masa Kini mungkin berpunca daripada kekurangan pendedahan kepada situasi yang memerlukan penggunaannya atau kerana pelajar menghadapi kesukaran memahami perubahan bentuk kata kerja dalam konteks subjek dan masa. Oleh itu, elemen ini memerlukan lebih

perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, termasuk aktiviti seperti simulasi perbualan harian atau penggunaan teks interaktif yang melibatkan masa kini.

c) *Masa Hadapan*

Penguasaan pelajar terhadap Masa Hadapan menunjukkan nilai skor min ($\text{min}=4.63$, $\text{SP}=0.92$) lebih tinggi daripada Masa Kini tetapi masih lebih rendah berbanding Masa Lampau. Skor minimum bagi kategori ini ialah 0, dan skor maksimum ialah 5, menunjukkan terdapat pelajar yang kurang menguasai Masa Hadapan. Namun, sisihan piawai yang lebih rendah (0.92) berbanding kategori Masa Lampau menunjukkan bahawa terdapat variasi yang lebih kecil dalam kalangan pelajar dari segi penguasaan Masa Hadapan. Ini mencadangkan bahawa kebanyakan pelajar berada pada tahap penguasaan yang lebih konsisten untuk konsep waktu ini. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk memperkuuhkan konsep penggunaan partikel seperti "ـ" atau "سَوْفَ" dalam membentuk kata kerja masa hadapan melalui latihan yang lebih intensif dan kontekstual.

Analisis statistik deskriptif ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan konsep waktu dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 6 adalah tidak seimbang. Penguasaan tertinggi adalah dalam Masa Lampau ($\text{min}=7.20$, $\text{SP}=1.98$), diikuti oleh Masa Hadapan ($\text{min}=4.63$, $\text{SP}=0.92$), manakala Masa Kini mencatatkan penguasaan paling rendah ($\text{min}=3.02$, $\text{SP}=1.37$). Variasi dalam tahap penguasaan ini mencadangkan bahawa keutamaan dalam pengajaran Bahasa Arab perlu diberikan kepada Masa Kini dan Masa Hadapan. Latihan intensif, pendekatan pengajaran inovatif, serta penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian boleh membantu meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap konsep waktu ini. Kajian ini memberikan panduan untuk para guru menilai kelemahan pelajar secara spesifik dan memperbaiki kelemahan tersebut bagi memastikan penguasaan yang lebih seimbang terhadap semua konsep waktu.

Jadual 6: Tahap Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM

Kemahiran Menulis	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
Kemahiran Asas Penulisan	3.41	0.75	Sederhana
Kemahiran Reflektif-Relasional	3.64	0.85	Sederhana
Kemahiran Identiti Kreatif	3.57	0.82	Sederhana
Kemahiran Pengurusan Emosi	3.84	0.89	Sederhana
Skor Keseluruhan	3.57	0.71	Sederhana

n=368

Jumlah skor keseluruhan kemahiran menulis pelajar ($\text{min}=3.57$, $\text{SP}=0.71$) mencerminkan tahap kemahiran menulis yang adalah sederhana dalam kalangan pelajar tingkatan 6 STAM. Namun, terdapat variasi skor yang ketara antara kategori kemahiran, seperti yang diperincikan di bawah.

1. *Kemahiran Asas Penulisan (Kemahiran A)*

Skor purata bagi kemahiran asas penulisan adalah ($\text{min} = 3.41$, $\text{SP} = 0.75$), yang menunjukkan penguasaan sederhana terhadap aspek asas seperti struktur ayat, tatabahasa, dan kosa kata. Ini mencerminkan hasil positif daripada pendedahan formal kepada elemen asas Bahasa Arab, namun masih memerlukan usaha tambahan untuk mencapai tahap cemerlang.

2. *Kemahiran Reflektif-Relasional (Kemahiran B)*

Kemahiran ini mencatatkan purata skor yang lebih tinggi ($\text{min} = 3.64$, $\text{SP} = 0.85$), menunjukkan keupayaan pelajar menghubungkan idea secara logik dalam penulisan mereka. Walaupun menunjukkan kemajuan, pelajar masih boleh meningkatkan tahap penguasaan ini dengan latihan penulisan reflektif dan analitikal.

3. Identiti Kreatif (Kemahiran C)

Kemahiran ini memperoleh purata skor ($\text{min} = 3.57$, $\text{SP} = 0.82$), skor terendah antara semua kategori. Ia mencerminkan kekurangan dalam aspek kreativiti dan ekspresi unik dalam penulisan. Faktor ini mungkin berkaitan dengan fokus utama kepada elemen teknikal, seperti tatabahasa, berbanding kreativiti. Justeru, aktiviti seperti penulisan kreatif atau eksplorasi idea baharu disarankan untuk meningkatkan skor dalam kategori ini. Justeru, terdapat keperluan untuk menambah pendekatan pengajaran yang merangsang pemikiran kreatif dalam penulisan Bahasa Arab.

4. Pengurusan Emosi (Kemahiran D)

Kemahiran pengurusan emosi dalam penulisan mencatatkan purata skor sebanyak ($\text{min}=3.84$, $\text{SP}=0.89$). Skor ini menunjukkan tahap penguasaan yang tertinggi antara kesemua kemahiran dalam aspek penggunaan emosi secara efektif dalam penulisan. Kemahiran ini melibatkan kebolehan pelajar untuk mengekspresikan emosi dan menyampaikan makna secara autentik melalui penulisan mereka. Skor yang ini mencadangkan keperluan untuk melibatkan pelajar dalam aktiviti menulis yang membolehkan mereka meneroka dan mengungkapkan pengalaman emosi mereka dengan lebih mendalam.

Analisis ini menunjukkan bahawa pelajar berada pada tahap sederhana dalam kemahiran menulis secara keseluruhan, dengan kekuatan ketara dalam aspek asas penulisan dan pengurusan emosi. Bagaimanapun, kelemahan dalam membina identiti kreatif menuntut pendekatan pengajaran yang lebih inovatif. Strategi seperti latihan penulisan kreatif dan eksplorasi reflektif boleh membantu memperkayakan kemahiran menulis pelajar secara menyeluruh.

Analisis Inferensi

Untuk menentukan hubungan antara skor konsep waktu Bahasa Arab (Skor_Konsep waktu) dan jumlah skor kemahiran menulis (Jumlah Skor Kemahiran Menulis), analisis korelasi Pearson telah dijalankan.

Jadual 7: Ujian Korelasi

Jumlah Skor Kemahiran Menulis		
Skor Konsep waktu BA	Pearson Correlation	0.22
	Sig. (2-tailed)	0.001
	N	368

Berdasarkan garis panduan (Cohen, 1988), tahap kekuatan korelasi ditafsirkan seperti jadual berikut:

Nilai r	Interpretasi Tahap
0.10 - 0.29	Lemah
0.30 - 0.49	Sederhana
0.50 - 1.0	Kuat

Dalam kajian ini, nilai korelasi menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah antara tahap penguasaan kepada konsep waktu Bahasa Arab dan kemahiran menulis pelajar tingkatan 6 STAM ($r=0.22$, $n=368$, $p<0.05$). Di samping itu, nilai $p = 0.001$ adalah lebih tinggi daripada aras signifikan 0.05, menunjukkan bahawa hubungan ini signifikan secara statistik. Dapatkan ini mencadangkan bahawa pendedahan kepada konsep waktu Bahasa Arab mempunyai pengaruh yang sangat kecil, jika ada, terhadap kemahiran menulis pelajar. Keputusan ini seiring dengan tahap signifikan Cohen, di mana nilai korelasi yang sangat rendah tidak memberikan kesan

praktikal yang ketara. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka faktor lain yang mungkin mempengaruhi kemahiran menulis pelajar, seperti motivasi, strategi pembelajaran, atau pendekatan pengajaran yang digunakan.

PERBINCANGAN

Tahap Penguasaan Konsep Waktu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6 STAM

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan konsep waktu dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 STAM menunjukkan variasi yang signifikan, dengan kecenderungan penguasaan yang lebih baik dalam aspek masa lampau berbanding masa kini dan masa hadapan. Kajian ini mendapati bahawa penguasaan masa lampau adalah lebih tinggi, sejajar dengan daptan Al-Khalaf (2020) dan Mokhtar (2017), yang menjelaskan bahawa pendedahan berulang terhadap teks agama, sejarah, dan sastera klasik memberi kelebihan kepada pelajar dalam memahami struktur masa lampau. Faktor ini turut disokong oleh Ibrahim (2024), yang menyatakan bahawa pelajar yang kerap membaca teks naratif dan klasik lebih mudah menguasai konsep ini kerana pendedahan konsisten terhadap bentuk tatabahasa yang berkaitan. Kehadiran latihan tatabahasa yang menekankan penggunaan masa lampau juga membantu memudahkan pemahaman serta penghafalan struktur aras bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini turut menunjukkan wujudnya jurang antara penguasaan teori dan kebolehan aplikasi praktikal. Tarmizi, Ibrahim dan Taufiqurrochman (2022) menyarankan pendekatan kreatif seperti latihan penulisan retrospektif dan aktiviti main peranan untuk memantapkan kemahiran aplikasi masa lampau dalam konteks sebenar.

Berbeza dengan penguasaan masa lampau, tahap penguasaan masa kini dalam kalangan pelajar didapati berada pada tahap sederhana. Hal ini berkait rapat dengan cabaran dalam penggunaan bahasa secara spontan, seperti yang dinyatakan oleh Aqeela, Munas dan Ahana (2023). Mereka berpendapat bahawa pengajaran tradisional yang terlalu berpusat kepada teks formal menghambat kebolehan pelajar untuk menerapkan konsep ini dalam dialog atau situasi harian. Mahmudova (2010) turut menekankan bahawa kurangnya pendekatan praktikal menjadikan pelajar sukar memahami dinamika penggunaan kata kerja masa kini. Selain itu, kajian Ghani et al. (2023) menunjukkan bahawa peluang aplikasi praktikal dalam konteks kehidupan sebenar masih terbatas, manakala Alwaleedi, Gillies dan Hamid (2023) menambah bahawa pengajaran tatabahasa secara berkonteks dan penggunaan multimedia seperti video dan podcast membantu pelajar membina sambungan semantik yang lebih baik. Interaksi dengan penutur asli melalui program pertukaran pelajar, seperti yang dinyatakan oleh Al-Hazmi (2006), juga didapati berkesan dalam meningkatkan penguasaan masa kini. Pendekatan kontekstual dan interaktif ini amat diperlukan bagi memastikan penguasaan pelajar dalam memahami serta menggunakan kata kerja masa kini secara berkesan.

Dalam aspek masa hadapan pula, tahap penguasaan pelajar masih sederhana, sejajar dengan daptan Listia dan Febriyanti (2020). Salah satu faktor utama kelemahan ini adalah pendekatan pengajaran tradisional yang terlalu berpusat pada hafalan dan latihan statik tanpa aplikasi praktikal yang bermakna (Hidayat et al., 2024). Pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan kolaboratif, seperti mencipta cerita tentang masa depan, merancang jadual harian, atau membincangkan impian dan harapan, dapat membantu pelajar memahami penggunaan penanda masa hadapan seperti ﴿وَهُنَّ﴾ dan ﴿سَوْفَ﴾(Alwaleedi et al., 2019). Salim (2024) turut menekankan bahawa latihan berbentuk naratif kreatif dan penggunaan bahan audio-visual mampu meningkatkan pemahaman pelajar dalam pelbagai konteks budaya dan situasi kehidupan sebenar.

Kesimpulannya, tahap penguasaan konsep waktu dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 STAM masih menunjukkan ketidakseimbangan antara teori dan aplikasi praktikal. Walaupun penguasaan masa lampau berada pada tahap yang lebih baik disebabkan pendedahan berterusan kepada teks agama dan sejarah, penguasaan masa kini dan masa hadapan masih memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih dinamik dan kontekstual. Penyelidikan terdahulu seperti Aqeela, Munas dan Ahana (2023), serta Ghani et al. (2023), menekankan pentingnya pendekatan interaktif seperti simulasi, dialog kreatif, dan penggunaan multimedia untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan konsep waktu. Integrasi aktiviti kreatif, penggunaan teknologi, dan peluang aplikasi dalam situasi sebenar adalah langkah kritikal yang perlu diambil untuk memperkuuh penguasaan konsep waktu secara menyeluruh dalam kalangan pelajar.

Tahap Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar Tingkatan 6 STAM

Secara keseluruhan, tahap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 STAM berada pada tahap sederhana, dengan skor min keseluruhan ($\text{min} = 3.57$, $\text{sp} = 0.71$). Walaupun hasil ini menunjukkan penguasaan asas yang memuaskan dalam aspek penulisan, masih terdapat kelemahan yang memerlukan perhatian serius, terutama dalam mengembangkan dimensi kemahiran menulis yang lebih kreatif, reflektif, dan ekspresif. Dapatkan ini selari dengan kajian Yahaya et al. (2014), yang menyatakan bahawa tahap sederhana dalam penulisan berpuncak daripada kurangnya latihan eksplorasi kreatif serta keterbatasan dalam pengayaan pengalaman peribadi yang dijadikan asas penulisan.

Kajian terdahulu oleh Abdul Wahab (2018) turut menegaskan bahawa pengajaran tatabahasa semata-mata tidak mencukupi untuk membentuk penulis yang cekap dan berkesan. Kemahiran menulis yang baik memerlukan integrasi penguasaan tatabahasa dengan elemen-elemen lain seperti kreativiti, refleksi mendalam, dan keupayaan menyampaikan pengalaman atau pemikiran secara unik dan bermakna. Walaupun pelajar menunjukkan kebolehan asas dalam menyusun struktur ayat yang betul serta penggunaan kosa kata asas yang sesuai (Abdul Razak et al., 2016), penguasaan ini masih terhad kepada aspek teknikal semata-mata. Latihan menulis yang lebih interaktif dan dinamik, seperti penggunaan medium digital atau penulisan situasi harian, disarankan oleh Hidayat et al. (2024) dan Jamaluddin dan Mohd (2019) bagi memberi ruang kepada pelajar untuk lebih kreatif dan berinteraksi secara aktif dengan pembaca, sekali gus memperkaya pengalaman penulisan mereka.

Selain itu, kemahiran reflektif-relasional pelajar turut didapati berada pada tahap sederhana, yang mencerminkan kebolehan mereka menyusun idea secara logik dan teratur tetapi dengan kelemahan dalam menambahkan elemen reflektif yang lebih mendalam. Abdullah, Saidin dan Karim (2019) mendapati bahawa pelajar bahasa kedua cenderung menghasilkan penulisan yang bersifat deskriptif dan umum tanpa mengaitkan konsep dengan konteks peribadi atau situasi sebenar. Kajian mereka turut menyatakan bahawa pendedahan kepada aktiviti penulisan berbentuk reflektif, seperti jurnal harian atau analisis kes, mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis dan menyampaikan pandangan yang lebih bernas. Mustapa dan Hong (2021) mencadangkan pendekatan penilaian kendiri dalam penulisan sebagai strategi berkesan untuk mendorong kesedaran reflektif, manakala Kleres (2011) menekankan kepentingan pendekatan pembelajaran berbasis masalah untuk memperluas dimensi pemikiran reflektif pelajar.

Sementara itu, kelemahan yang ketara dalam kemahiran identiti kreatif menunjukkan bahawa pelajar masih kurang berupaya mengekspresikan idea secara unik atau inovatif. Salim (2024) mendapati bahawa penekanan berlebihan terhadap ketepatan tatabahasa dalam pengajaran bahasa Arab sering menghalang perkembangan kreativiti pelajar, yang akhirnya menyebabkan penulisan mereka kaku dan kurang menarik. Aqeela, Munas dan Ahana (2023) mencadangkan

bahawa aktiviti penulisan kreatif seperti penulisan cerita pendek, puisi, atau naratif peribadi dapat meningkatkan daya ekspresi dan menggalakkan pelajar mengambil risiko dalam mencipta karya yang lebih kreatif. Sathikulameen dan Ibrahim (2023) pula mencadangkan projek penulisan seperti skrip drama dan ulasan bebas sebagai pendekatan berkesan dalam memperkembangkan kebolehan kreatif pelajar.

Dalam aspek pengurusan emosi, kemahiran ini berada pada tahap sederhana tinggi, yang menunjukkan potensi pelajar untuk mengekspresikan emosi dan makna dalam penulisan mereka, tetapi masih terdapat ruang untuk diperbaiki. Dewaele (2011) dan Gill (2014) mendapati bahawa kekurangan latihan berfokus pada penulisan reflektif atau naratif emosional menghalang pelajar daripada menyampaikan emosi dengan lebih mendalam dan berkesan. Aktiviti seperti menulis jurnal reflektif, surat peribadi, atau ulasan tentang pengalaman hidup disarankan sebagai kaedah untuk membantu pelajar memahami dan menyampaikan nuansa emosi dalam penulisan mereka (Aragao, 2007).

Kesimpulannya, tahap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 STAM masih memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh. Walaupun penguasaan asas seperti tatabahasa dan struktur ayat telah memadai, kelemahan dalam aspek reflektif, kreatif, dan ekspresi emosi menunjukkan perlunya pendekatan pengajaran yang lebih holistik. Strategi seperti penulisan reflektif, penggunaan teknologi digital, aktiviti berbasis pengalaman, serta latihan kreatif dapat membantu meningkatkan kualiti penulisan pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja akan memperkuuh penguasaan teknikal pelajar, tetapi juga mendorong mereka untuk mengembangkan pemikiran kritis, kreativiti, dan kebolehan komunikasi yang lebih berkesan dalam bahasa Arab.

Hubungan antara Penguasaan Konsep waktu Bahasa Arab dengan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Tingkatan 6 STAM

Analisis korelasi yang dijalankan menunjukkan hubungan yang sangat lemah namun signifikan antara penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Dapatkan ini memberikan gambaran bahawa penguasaan konsep waktu, walaupun penting dalam memastikan struktur ayat yang betul, bukanlah satu-satunya faktor penentu dalam perkembangan kemahiran menulis yang berkesan. Penemuan ini turut selari dengan kajian terdahulu oleh Endut, Yusoff, dan Kamarudin (2016), yang menegaskan bahawa kemahiran menulis lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik lain seperti kreativiti, motivasi, keyakinan diri, serta tahap pendedahan terhadap pelbagai jenis teks. Oleh itu, kelemahan dalam kemahiran menulis tidak boleh semata-mata dikaitkan dengan kekurangan penguasaan tatabahasa, khususnya konsep waktu.

Walaupun penguasaan konsep waktu dalam tatabahasa bahasa Arab berfungsi sebagai asas penting untuk membentuk ayat yang tepat dan bermakna, dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran menulis melibatkan proses yang lebih kompleks. Omar et al. (2021) turut menekankan bahawa penguasaan tatabahasa, meskipun signifikan, tidak mencukupi untuk melahirkan penulisan yang efektif. Kemahiran menulis memerlukan pemahaman mendalam terhadap kandungan, konteks, gaya bahasa, serta keupayaan untuk menyusun idea secara logik dan menarik. Ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa Arab perlu bergerak melampaui pendekatan yang bersifat mekanistik dan berfokus hanya pada penguasaan tatabahasa.

Sehubungan itu, pendekatan holistik seperti yang digariskan oleh Sathikulameen dan Ibrahim (2023) perlu dipertimbangkan sebagai langkah penyelesaian terhadap kelemahan ini. Pendekatan ini merangkumi pelaksanaan aktiviti seperti penulisan bebas, dialog kreatif, serta analisis teks yang lebih mendalam. Aktiviti ini bukan sahaja mengasah kemahiran teknikal pelajar dalam membentuk ayat yang betul, tetapi juga membina keupayaan mereka dalam mengekspresikan pemikiran, idea, dan emosi secara kreatif serta kritis. Dengan memberi tumpuan kepada aktiviti

yang melibatkan pemikiran aras tinggi, pelajar didorong untuk mengembangkan daya kreativiti dan kemampuan reflektif dalam penulisan mereka.

Pendekatan yang lebih holistik ini menjadi keperluan mendesak dalam konteks pendidikan bahasa Arab hari ini. Kelemahan penguasaan konsep waktu tidak seharusnya dilihat secara terpisah, sebaliknya perlu dinilai dalam konteks yang lebih luas. Guru-guru perlu memastikan bahawa pembelajaran bahasa Arab merangkumi latihan yang mendorong ekspresi diri, pemikiran kritis, serta pendedahan kepada pelbagai jenis teks yang autentik. Pendekatan ini berupaya meningkatkan bukan sahaja kefasihan teknikal, tetapi juga kemampuan komunikasi yang lebih efektif dan bermakna dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, dapatan ini menegaskan keperluan untuk merangka strategi pengajaran yang lebih seimbang dan komprehensif. Ini penting agar kemahiran menulis pelajar tidak hanya bergantung pada penguasaan tatabahasa, tetapi turut disokong oleh aspek-aspek lain yang membentuk penulisan berkualiti. Gabungan antara penguasaan konsep tatabahasa dengan latihan berorientasikan kreativiti dan pemikiran kritis berpotensi memperbaiki kelemahan kemahiran menulis yang sedia ada.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap penguasaan konsep waktu Bahasa Arab dan pengaruhnya terhadap kemahiran menulis pelajar tingkatan 6 STAM. Secara umum, dapatan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai penguasaan yang baik terhadap Masa Lampau tetapi kurang menguasai Masa Kini dan Masa Hadapan. Bagi kemahiran menulis, kekuatan utama pelajar terletak pada kemahiran asas dan reflektif-relasional, manakala kelemahan paling ketara adalah dalam aspek kreativiti. Hubungan antara penguasaan konsep waktu dan kemahiran menulis pula didapati lemah, menunjukkan bahawa faktor lain mungkin memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan menulis pelajar. Hasil ini memberi implikasi yang signifikan terhadap pendekatan pengajaran Bahasa Arab, yang perlu lebih fokus kepada elemen kontekstual dan integrasi kemahiran berfikir kreatif serta emosi dalam penulisan. Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan Bahasa Arab melalui pembangunan instrumen soal selidik yang sah dan adaptasi berdasarkan teori *self-efficacy*. Selain itu, ia juga menyediakan asas untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam dan holistik, populasi yang lebih pelbagai, dan penggunaan pendekatan teknologi dalam pengajaran. Dengan itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu pendidik dan pembuat dasar memperbaiki strategi pengajaran untuk melahirkan pelajar yang lebih berkemahiran dalam penguasaan Bahasa Arab, sejajar dengan keperluan akademik dan profesional masa kini.

RUJUKAN

- A Jalal, A. F., A Rahim, R. A., Kahal, S. M., Mansor, M. S., Ismail, A. H., Ismail, H., Alias, A. W. (2018). Kitab Jawi Sebagai Asas Tamadun Melayu Islam. *Asian Journal of Environment History and Heritage*, 153-169.
- Abdul Razak, Z. R., Samah, R., Jumingan, M. F., & Abu Bakar, M. S. (2016). Kebolehan Menguasai Kosa Kata Bahasa Arab dalam Buku Teks di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 33 - 43.
- Abdullah, Nurulhidayah & Saidin, Sazali & Karim, Rokiah. (2019). *Hubungan Amalan Refleksi Dengan Kemahiran Penulisan Refleksi Reflektif Di Kalangan Guru Pelatih IPGK Perlis*.

- Abdullah, Nurulhidayah & Saidin, Sazali & Karim, Rokiah. (2024). *Transformasi praktikum: Meningkatkan tahap penulisan refleksi secara reflektif*.
- Al-Khatib, H. (2005). *Grammar Choices and Making Meaning in Teaching*. Proceedings of the International Conference on Critical Discourse Analysis: Theory into Research, (pp. 8-202).
- Al-Hazmi, Sultan (2006). Writing and Reflection: Perceptions of Arab EFL Learners. *South Asian Language Review*, 16(2), 36-52.
- Alwaleedi, Mohammed & Gillies, Robyn & Hamid, M. (2018). *Collaborative Writing in Arabic as a Second Language (ASL) Classrooms: A Mixed-method Study*. Language, Culture and Curriculum. 32. 10.1080/07908318.2018.1521422.
- Ahmad, Salamiah & Hashim, Ummu & Shaadon, Zuraida & Mustapa, Nur. (2012). The Purpose of Reading Arabic Text and the Problems Faced: A Preliminary Survey at the Faculty of Islamic Studies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 59. 18–25. 10.1016/j.sbspro.2012.09.240
- Aqeela, M.M.F. & Munas, M.H.A. & Ahana, M.R.F.. (2023). Traditional and Modern Teaching Methods in Teaching Arabic as a Second Language: A Comparative Study. *Sprin Journal of Arabic-English Studies*. 2. 48-53. 10.55559/sjaes.v2i03.52.
- Aragão, Rodrigo. (2007). Emotions and Self-Narrative in Classroom Language Learning. In: Carlos Periñán. (Org.). Revisiting Language Learning Resources. Newcastle: Cambridge Scholars Publishing. p. 191-210.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences (2nd ed)*. New York: Routledge.
- Dewaele, Jean-Marc & London,. (2011). Reflections on the Emotional and Psychological Aspects of Foreign Language Learning and Use. *Anglistik*. 22. 23-42.
- Ellis, R. (1998). Teaching and Research: Options in Grammar Teaching. *Tesol Quarterly*, 32(1), 39-60.
- Endut, S., Yusoff, N. M. R. N., & Kamarudin, M. Y. (2016). Factors that influence efficiency of writing essays in Arabic. *Creative Education*, 7(3), 435-442.
- Ghani, Abdul & Din, Md & Mohd, Azizul & Zabidin, Rahman & Din, Omar & Mohammad, Ebrahim & ElDesoky, Ahmad & Awae, Fareed & Zabidin, Mohd. (2023). *The Role of Technology and its Techniques in The Development of Teaching Arabic to Non-Native Speakers*. 13. 107-120. 10.6007/IJARBSS/v13-i10/18665.
- Gill, Gobinder. (2014). The Nature of Reflective Practice and Emotional Intelligence in Tutorial Settings. *Journal of Education and Learning*. 3. 86-100. 10.5539/jel.v3n1p86.
- Hasan, T. (1994). دار الثقافة .اللغة العربية معناها ومبناها .
- Hidayat, Rahmat & Rezi, Melisa & Kadir, Muh & Ulfiyati, Nur. (2024). Digital Transformation for Effective Arabic Learning. *Journal of Multidisciplinary Sustainability Asean* 1(1). 43-57.
- Ibrahim, Nor & Md. Yusoff, Melor & Ghazali, Norzaliza. (2017). *Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Pengurusan (Sblm 1053) Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Proceedings of the ICECRS. 1. 10.21070/picecrs.v1i1.529
- Ibrahim, Mohammed. (2024). Evaluating The Impact of Feature Extraction Techniques on Arabic Reviews Classification. *InfoTech Spectrum: Iraqi Journal of Data Science*. 10.51173/ijds.v1i1.10.
- Jali, K. A., & Baharudin, H. (2023). Concept of Zaman & Jihah in Arabic Verb with Comparative in English Verb. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 3264 - 3274.

- Jasni, S. R. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *Bitara International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 3(1), 10-21.
- Kleres, Jochen. (2011). Emotions and Narrative Analysis: A Methodological Approach. *Journal for the Theory of Social Behaviour*. 41(2). 182 – 202. 10.1111/j.1468-5914.2010.00451.x.
- KPM. (2023). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8.
- Listyani, L., & Al Kadi, A. (2022). A cross-sectional study of the present perfect tense in Arabic and Indonesian EFL settings. *Language Teaching and Educational Research*, 5(2), 80-91.
- Listia, R. & Febriyanti, E. R. (2020). EFL Learners' Problems in Using Tenses: An Insight for Grammar Teaching. *IJET (Indonesian Journal of English Teaching)*. 9(1). 86-95. 10.15642/ijet2.2020.9.1.86-95.
- Mahmood, M. U., & Zailani, M. A. (2017). Kemahiran menulis jumlah Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah. *O-JIE Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20-27.
- Mahmudova, Tarana. (2010). From the classroom to the street: bridging the Gap between formal language education and practical usage. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. 2. 803-808. 10.1016/j.sbspro.2010.03.107.
- Mat Teh, K. S. (2014). Analisis Kontrastif Hubungan Kata Kerja Transitif dan Objek Dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *'Ulum Islamiyah Journal*, 35-54.
- Mitchell, K. M., McMillan, D. E., Lobchuk, M. M., Nickel, N. C., Rabbani, R., & Li, J. (2021). Development and validation of the Situated Academic Writing. *Assessing Writing*, 48, 100524.
- Mokhtar, W. R. (2017). Penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia. *Al-Basirah Journal*, 7(2), 23-41.
- Mokhtar, W. W., Rahman, M. A., Adnan, M. M., & Salleh, N. M. (2018). Kemampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis. *Al-Basirah Journal*, 8(2), 99-111.
- Mustapa., S. I. S & Hong, Lee Leh (2022). *Artikel Budaya Penyelidikan Dan Penulisan Dalam Kalangan Warga IPG*. Dalam Prosiding Persidangan Kebangsaan Amalan Pedagogi & Pendidikan Inklusi (APPI 2021), 7 Disember 2021: 15-29; ISBN: 978-967-5580-253 (1) (PDF) ARTIKEL BUDAYA PENYELIDIKAN DAN PENULISAN DALAM KALANGAN WARGA IPG. Available from: https://www.researchgate.net/publication/362429572_ARTIKEL_BUDAYA_PENYELIDIKAN_DAN_PENULISAN_DALAM_KALANGAN_WARGA_IPG [accessed Dec 16 2024].
- Munjiyat. (2019). الظواهر الزمنية في اللغة العربية وآثرها في الترجمة. *Asalibuna* 3(1), 33-42.
- Pearson, W. S. (2022). A typology of the characteristics of teachers' written feedback comments on second language writing. *Cogent Education*, 9(1), 1-17.
- Razali, H. M. (2020). Elemen Pengajaran Berkesan Bahasa Arab. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*, 1 - 11.
- Salim, M. S. (2024). Challenges and Innovations in Teaching the Arabic Grammar to Non-Native Speakers. *Integrated Journal for Research in Arts and Humanities*. 4. 136-147. 10.55544/ijrah.4.5.21
- Sathikulameen, A. & Ibrahim, A M. (2023). Exploring Arabic Creative Writing Skills of MSA Learners Using Activity-Based Approach. *Al-Bukhari Journal of Arabic and Islamic Studies*, 2(2). 48-61.

- Seman, Z., Yusoff, M. S. A., & Ismail, N. (2016). Arabic linguistic interdependence hypothesis and reading comprehension of non-native Arabic learners in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(6), 103–110.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Wan Sulong, W. M. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(Bil 2), 142 - 151.
- Swain, M., & Lapkin, S. (1995). Problems in output and the cognitive processes they generate: A step towards second language learning. *Applied linguistics*, 16(3), 371-391.
- Tarmizi, Ahmad & Ibrahim, Faisol & Taufiqurrochman, R.. (2022). Tathwir Mawad al-Ta'bir al-Tahriry 'Ala Dhuí Maharat al-Tafkir al-Úlya li Tarqiyah Kitabah al-Maqalah li Thullabah Qism Ta'lim al-Lughah al-Árabiyyah. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*. 6. 25. 10.29240/jba.v6i1.3242.
- Wahab, U. &. (2021). Saiz Kosa Kata dan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*. 10, 183-202.
- Yahaya, M. F., Nasir, M. S., Wan Omar, W. H., Ab. Halim, Z., & Sweedan, E. N. (2014). Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti Jawlah Lughawiyyah. *Language Studies* (Vol. 3 No. 1), 36-53.
- Yasin, Ayman & Nofal, Omar. (2022). The Effect of Transitivity, Futurity, and Aspectuality on the Translation of English Present Progressive into Arabic Verbal and Active Participle Counterparts. *World Journal of English Language*. 13. 151. 10.5430/wjel.v13n1p151.
- Yusoff, M. S. A., & Seman, Z. (2022). Penguasaan bahasa Arab dan pengaruhnya terhadap kefahaman teks subjek sastera Arab STAM. *Borneo Akademika*, 6(1), 95–106.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.